

Tazkirah Series 2/2020



LEADING THE WAY
KHALĪFAH • AMĀNAH • IQRĀ' • RAHMATAN LIL-ĀLAMĪN



17th July 2020 (Friday)

10.00 a.m – 11.00 a.m

Zoom and YouTube Stream

RASULULLAH SAW - DIA BUKAN INSAN BIASA SIRI 2

ABDULLAH BUKHARI BIN ABDUL RAHIM
Head, Tilawah Division CELPAD,
International Islamic University Malaysia



Management Services Division in collaboration with KURNIA and KESATU



+603 6421 5556 (Gombak)
+603 6421 1300 (Damansara)




msd@iium.edu.my



Management Services Division

**HIMPUNAN
KELEBIHAN
RASULULLAH
SAW**



الجامع في الخصال

خصائص النبي ﷺ - خصائص الأنبياء
خصائص أمته ﷺ - خصائص لا تقب

تأليف
موسى بن ريش العازمي

دار الصبيحي
للنشر والتوزيع

TOPIK SIRI INI

- KITAB TAWRAT DAN INJIL MENGHABARKAN KELAHIRAN RASULULLAH SAW
- LANGIT TERJAGA DENGAN KEBANGKITAN BAGINDA
- DADA DIBELAH DAN MEMILIKI COP MOHOR PENUTUP NABI
- ABU TALIB DIRINGKANKAN AZAB
- MENDAPAT MUKJIZAT ISRA' DAN MI'RAJ
- DALAM KITAB BAGINDA ADA NASIKH MANSUKH

- DALAM KITAB BAGINDA ADA NASIKH MANSUKH
- DIUTUS KEPADA MANUSIA DAN JIN
- TAHU PENGAMPUNAN DOSA BAGINDA SENDIRI
- DIBANTU MALAIKAT DALAM PERANG

BAB KEDUA

**KELEBIHAN YANG HANYA DIMILIKI
RASULULLAH SAW DAN TIDAK
DIMILIKI PARA NABI LAIN**

AKU JANJI SEMUA NABI TERHADAP RASULULLAH

وَإِذْ أَخَذَ اللَّهُ مِيثَاقَ النَّبِيِّينَ لَمَا آتَيْتُكُمْ مِنْ كِتَابٍ وَحِكْمَةٍ ثُمَّ جَاءَكُمْ رَسُولٌ مُصَدِّقٌ لِمَا مَعَكُمْ لَتُؤْمِنُنَّ بِهِ وَلَتَنْصُرُنَّهُ قَالَ أَأَقْرَضُكُمْ
وَأَخَذْتُمْ عَلَىٰ ذَلِكُمْ إِصْرِي قَالُوا أَقْرَرْنَا قَالَ فَاشْهَدُوا وَأَنَا مَعَكُمْ مِنَ الشَّاهِدِينَ (81)

Dan (ingatlah) ketika Allah mengambil perjanjian setia daripada para nabi (dengan firman-Nya): "Sesungguhnya apa jua Kitab dan Hikmat yang Aku berikan kepada kamu, kemudian datang pula kepada Kamu seorang Rasul yang mengesahkan apa yang ada pada kamu, hendaklah kamu beriman sungguh-sungguh kepadanya, dan hendaklah kamu bersungguh-sungguh menolongnya". Allah berfirman lagi (bertanya kepada mereka): "Adakah kamu mengakui dan menerima ikatan janjiku yang demikian itu?" Mereka menjawab: "Kami berikrar (mengakui dan menerimanya)". Allah berfirman lagi: "Jika demikian, maka saksikanlah, dan Aku juga menjadi saksi bersama kamu." (Ali 'Imran 3:81).

DISAMBUT MESRA SEMUA NABI DI LANGIT

ثُمَّ عَرَجَ بِي إِلَى السَّمَاءِ الثَّلَاثَةِ فَأَسْتَفْتَحَ جِبْرِيلُ فَقِيلَ مَنْ أَنْتَ قَالَ جِبْرِيلُ قَيْدٍ وَمَنْ مَعَكَ قَالَ مُحَمَّدٌ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَيْدٍ وَقَدْ بُعِثَ إِلَيْهِ قَالَ قَدْ بُعِثَ إِلَيْهِ فَفَتَحَ لَنَا
فَإِذَا أَنَا بِيُوسُفَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا هُوَ قَدْ أُعْطِيَ شَطْرَ الْحُسَيْنِ وَرَحِبَ وَوَعَالِي بِخَيْرٍ

Kemudian aku dibawa naik ke langit ketiga. Jibril meminta izin agar dibuka pintunya, lalu ditanya oleh malaikat penjaga langit ketiga: “Siapakah anda?” Jibril menjawab: “Aku Jibril!” Kemudian ditanya lagi: “Siapakah bersamamu itu?” Jibril menjawab: “Dia adalah Muhammad SAW.” Malaikat penjaga langit ketiga bertanya: “Adakah dia telah dibangkitkan (sebagai Rasul)?” Jibril menjawab: “Ya! Dia sudah dibangkitkan.” Kemudiannya pintu langit ketiga dibukan dan aku bertemu dengan nabi Yusuf SAW

dan ternyata dia dianugerahi separuh kecantikan (manusia). **DIA**

MENYAMBUTKU DAN MENDOAKAN KEBAIKAN UNTUKKU

(Sahih Muslim, no 234, Musnad Ahmad, no 12047).

KITAB TAWRAT DAN INJIL MENGKHABARKAN KELAHIRAN RASULULLAH SAW

الَّذِينَ يَتَّبِعُونَ الرَّسُولَ النَّبِيَّ الْأُمِّيَّ الَّذِي يَخْلُقُ لَهُمْ سِيَرًا مَّا تُحِبُّونَ مَكْتُوبًا عِنْدَهُمْ فِي التَّوْرَةِ وَالْإِنْجِيلِ يَأْمُرُهُمْ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَاهُمْ عَنِ الْمُنْكَرِ وَيُحِلُّ لَهُمُ الطَّيِّبَاتِ وَيُحَرِّمُ
الَّذِينَ يَتَّبِعُونَ الرَّسُولَ النَّبِيَّ الْأُمِّيَّ الَّذِي يَخْلُقُ لَهُمْ سِيَرًا مَّا تُحِبُّونَ مَكْتُوبًا عِنْدَهُمْ فِي التَّوْرَةِ وَالْإِنْجِيلِ يَأْمُرُهُمْ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَاهُمْ عَنِ الْمُنْكَرِ وَيُحِلُّ لَهُمُ الطَّيِّبَاتِ وَيُحَرِّمُ
الَّذِينَ يَتَّبِعُونَ الرَّسُولَ النَّبِيَّ الْأُمِّيَّ الَّذِي يَخْلُقُ لَهُمْ سِيَرًا مَّا تُحِبُّونَ مَكْتُوبًا عِنْدَهُمْ فِي التَّوْرَةِ وَالْإِنْجِيلِ يَأْمُرُهُمْ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَاهُمْ عَنِ الْمُنْكَرِ وَيُحِلُّ لَهُمُ الطَّيِّبَاتِ وَيُحَرِّمُ
الَّذِينَ يَتَّبِعُونَ الرَّسُولَ النَّبِيَّ الْأُمِّيَّ الَّذِي يَخْلُقُ لَهُمْ سِيَرًا مَّا تُحِبُّونَ مَكْتُوبًا عِنْدَهُمْ فِي التَّوْرَةِ وَالْإِنْجِيلِ يَأْمُرُهُمْ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَاهُمْ عَنِ الْمُنْكَرِ وَيُحِلُّ لَهُمُ الطَّيِّبَاتِ وَيُحَرِّمُ
الَّذِينَ يَتَّبِعُونَ الرَّسُولَ النَّبِيَّ الْأُمِّيَّ الَّذِي يَخْلُقُ لَهُمْ سِيَرًا مَّا تُحِبُّونَ مَكْتُوبًا عِنْدَهُمْ فِي التَّوْرَةِ وَالْإِنْجِيلِ يَأْمُرُهُمْ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَاهُمْ عَنِ الْمُنْكَرِ وَيُحِلُّ لَهُمُ الطَّيِّبَاتِ وَيُحَرِّمُ
الَّذِينَ يَتَّبِعُونَ الرَّسُولَ النَّبِيَّ الْأُمِّيَّ الَّذِي يَخْلُقُ لَهُمْ سِيَرًا مَّا تُحِبُّونَ مَكْتُوبًا عِنْدَهُمْ فِي التَّوْرَةِ وَالْإِنْجِيلِ يَأْمُرُهُمْ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَاهُمْ عَنِ الْمُنْكَرِ وَيُحِلُّ لَهُمُ الطَّيِّبَاتِ وَيُحَرِّمُ
الَّذِينَ يَتَّبِعُونَ الرَّسُولَ النَّبِيَّ الْأُمِّيَّ الَّذِي يَخْلُقُ لَهُمْ سِيَرًا مَّا تُحِبُّونَ مَكْتُوبًا عِنْدَهُمْ فِي التَّوْرَةِ وَالْإِنْجِيلِ يَأْمُرُهُمْ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَاهُمْ عَنِ الْمُنْكَرِ وَيُحِلُّ لَهُمُ الطَّيِّبَاتِ وَيُحَرِّمُ
الَّذِينَ يَتَّبِعُونَ الرَّسُولَ النَّبِيَّ الْأُمِّيَّ الَّذِي يَخْلُقُ لَهُمْ سِيَرًا مَّا تُحِبُّونَ مَكْتُوبًا عِنْدَهُمْ فِي التَّوْرَةِ وَالْإِنْجِيلِ يَأْمُرُهُمْ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَاهُمْ عَنِ الْمُنْكَرِ وَيُحِلُّ لَهُمُ الطَّيِّبَاتِ وَيُحَرِّمُ
الَّذِينَ يَتَّبِعُونَ الرَّسُولَ النَّبِيَّ الْأُمِّيَّ الَّذِي يَخْلُقُ لَهُمْ سِيَرًا مَّا تُحِبُّونَ مَكْتُوبًا عِنْدَهُمْ فِي التَّوْرَةِ وَالْإِنْجِيلِ يَأْمُرُهُمْ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَاهُمْ عَنِ الْمُنْكَرِ وَيُحِلُّ لَهُمُ الطَّيِّبَاتِ وَيُحَرِّمُ
الَّذِينَ يَتَّبِعُونَ الرَّسُولَ النَّبِيَّ الْأُمِّيَّ الَّذِي يَخْلُقُ لَهُمْ سِيَرًا مَّا تُحِبُّونَ مَكْتُوبًا عِنْدَهُمْ فِي التَّوْرَةِ وَالْإِنْجِيلِ يَأْمُرُهُمْ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَاهُمْ عَنِ الْمُنْكَرِ وَيُحِلُّ لَهُمُ الطَّيِّبَاتِ وَيُحَرِّمُ

"Iaitu orang yang mengikut Rasulullah (Muhammad SAW) Nabi yang Ummi, yang mereka dapati tertulis (namanya dan sifatnya) dalam Taurat dan Injil yang ada di sisi mereka. Dia menyuruh mereka dengan perkara yang baik, melarang mereka daripada melakukan perkara yang keji; menghalalkan bagi mereka segala benda yang baik, mengharamkan kepada mereka segala benda yang buruk; dia juga menghapuskan daripada mereka beban dan belenggu yang ada pada pada mereka..... (al-A'raf 7:157).

عَنْ عَطَاءِ بْنِ يَسَارٍ قَالَ لَقِيتُ عَبْدَ اللَّهِ بْنَ عَمْرِو بْنِ الْعَاصِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قُلْتُ أَخْبِرْنِي عَنْ صِفَةِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي التَّوْرَةِ قَالَ أَجَلُ وَاللَّهِ إِنَّهُ لَمَوْصُوفٌ فِي التَّوْرَةِ بِبَعْضِ صِفَتِهِ فِي الْقُرْآنِ { يَا أَيُّهَا النَّبِيُّ إِنَّا أَرْسَلْنَاكَ شَاهِدًا وَمُبَشِّرًا وَنَذِيرًا } وَحِرْزًا لِلْأُمِّيِّينَ أَنْتَ عَبْدِي وَرَسُولِي سَمَّيْتُكَ الْمَتَوَكَّلَ لَيْسَ بَفِظٍ وَلَا غَلِيظٍ وَلَا سَحَّابٍ فِي الْأَسْوَاقِ وَلَا يَدْفَعُ بِالسَّيِّئَةِ السَّيِّئَةَ وَلَكِنْ يَعْفُو وَيَغْفِرُ وَلَنْ يَقْبِضَهُ اللَّهُ حَتَّى يُقِيمَ بِهِ الْمِلَّةَ الْعَوْجَاءَ بَأَنْ يَقُولُوا لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَيَفْتَحَ بِهَا أَعْيُنًا عُمِيًّا وَأَذَانًا صُمًّا وَقُلُوبًا غُلْفًا

'Ata' bin Yasar berkata dia bertemu Abdullah bin 'Amru bin al-'As RA dan berkata: "Khabarkan padaku tentang sifat Rasulullah SAW dalam Tawrat." Beliau menjawab: "Baiklah! Sesungguhnya sifat baginda memang dalam Tawrat dengan sebahagian sifatnya dalam al-Quran (Wahai Nabi! Sesungguhnya Kami utuskan kamu sebagai saksi, pembawa khabar gembira dan amaran), juga sebagai penjaga bagi bangsa yang buta huruf (Bangsa Arab). Engkau adalah hamba dan Rasul-Ku. Aku namakanmu tempat bergantung, tidak bersikap kasar, tidak keras hati, tidak juga suka meninggikan suara di pasar, tidak menolak kejahatan dengan kejahatan (yang sama) akan tetapi selalu memaaf dan mengampunkan (kesalahan orang). Allah tidak memamatkannya melainkan selepas dia meluruskan agama yang bengkok sehingga orang berkata bahawa Tiada Tuhan yang sebenar melainkan Allah. Dia juga akan membuka dengan kalimah Tawhid itu mata (hati) yang buta, telinga yang pekak dan hati yang tertutup (**Sahih al-Bukhari, no 1981**).

SIFAT LAIN BAGINDA DAN PARA SAHABAT

مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ وَالَّذِينَ مَعَهُ أَشِدَّاءُ عَلَى الْكُفَّارِ رُحَمَاءُ بَيْنَهُمْ تَرَاهُمْ
رُكَّعًا سُجَّدًا يَبْتَغُونَ فَضْلًا مِنَ اللَّهِ وَرِضْوَانًا سِيمَاهُمْ فِي وُجُوهِهِمْ
مِنْ أَثَرِ السُّجُودِ ذَلِكَ مَثَلُهُمْ فِي التَّوْرَةِ وَمَثَلُهُمْ فِي الْإِنْجِيلِ كَزَرْعٍ
أَخْرَجَ شَطْئَهُ فَفَازَرَهُ، فَاسْتَغْلَظَ فَاسْتَوَىٰ عَلَىٰ سُوقِهِ، يُعْجِبُ الزُّرَّاعَ
لِيَغِيظَ بِهِمُ الْكُفَّارَ وَعَدَّ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ مِنْهُمْ
مَغْفِرَةً وَأَجْرًا عَظِيمًا

Nabi Muhammad (SAW) ialah Rasul Allah; dan orang yang bersama dengannya bersikap keras dan tegas terhadap orang kafir yang (memusuhi Islam), dan sebaiknya bersikap kasih sayang serta belas kasihan kasihan sesama sendiri (umat Islam). Engkau melihat mereka tetap beribadat rukuk dan sujud, dengan mengharapkan limpah kurnia (pahala) daripada Tuhan mereka serta mengharapkan keredhaan-Nya. Tanda yang menunjukkan mereka (sebagai orang yang soleh) terdapat muka mereka - dari kesan sujud (dan ibadat mereka yang ikhlas). Demikianlah sifat mereka yang tersebut di dalam Kitab Taurat; dan sifat mereka di dalam Kitab Injil pula ialah: (bahawa mereka diibaratkan) sebagai pokok tanaman yang mengeluarkan anak dan tunasnya, lalu anak dan tunasnya itu menyuburkannya, sehingga ia menjadi kuat, lalu ia tegap berdiri di atas (pangkal) batangnya dengan keadaan yang mengkagumkan orang yang menanamnya. (Allah menjadikan para sahabat Nabi Muhammad SAW dan PARA pengikutnya kembang biak serta kuat gagah sedemikian itu) kerana Dia hendak jadikan orang kafir merana dengan perasaan marah dan hasad dengki - dengan kembang biaknya umat Islam itu. (Dan selain itu) Allah telah menjanjikan orang yang beriman dan beramal soleh dari mereka, keampunan dan pahala yang besar (al-Fath 48:29).

LANGIT TERJAGA DENGAN KEBANGKITAN BAGINDA

وَأَنَّا لَمَسْنَا السَّمَاءَ فَوَجَدْنَاهَا مُلِئَتْ حَرَسًا شَدِيدًا وَشُهُبًا (8) وَأَنَّا كُنَّا نَقْعُدُ مِنْهَا مَقَاعِدَ لِلسَّمْعِ فَمَنْ
يَسْتَمِعِ الْآنَ يَجِدْ لَهُ شِهَابًا رَصَدًا (9)

`Dan bahawa sesungguhnya kami berusaha mencari berita langit, lalu kami dapati langit itu penuh dengan pengawal yang sangat kuat kawalannya, dan (dengan rejaman) api yang menyala. **‘PADAHAL KAMI DAHULU BIASA MENDUDUKI TEMPAT (PERHENTIAN) DI LANGIT UNTUK MENDENGAR (PERCAKAPAN PENDUDUKNYA); MAKA SEKARANG SESIAPA YANG CUBA MENDENGAR, AKAN MENDAPATI API YANG MENYALA YANG MENUNGGU MEREJAMNYA (al-Jinn 72:8-9)**

**UFO
ADALAH
JINN?**



DADA DIBELAH DAN MEMILIKI COP MOHOR PENUTUP NABI

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَتَاهُ جِبْرِيلُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَهُوَ يَلْعَبُ مَعَ الْغُلَمَانِ فَأَخَذَهُ فَصَرَعَهُ فَشَقَّ عَنْ قَلْبِهِ فَاسْتَخْرَجَ الْقَلْبَ فَاسْتَخْرَجَ مِنْهُ عِلْقَةً فَقَالَ هَذَا حِطُّ الشَّيْطَانِ مِنْكَ ثُمَّ غَسَلَهُ فِي طَسْتٍ مِنْ ذَهَبٍ بِمَاءٍ زَمْزَمٍ ثُمَّ لَأَمَهُ ثُمَّ أَعَادَهُ فِي مَكَانِهِ وَجَاءَ الْغُلَمَانُ يَسْعَوْنَ إِلَى أُمِّهِ يَعْنِي ظَنَرَهُ فَقَالُوا إِنَّ مُحَمَّدًا قَدْ قُتِلَ فَاسْتَقْبَلُوهُ وَهُوَ مُنْتَفِعُ اللَّوْنِ قَالَ أَنَسٌ وَقَدْ كُنْتُ أُرِي أثرَ ذَلِكَ الْمَخِيطِ فِي صَدْرِهِ

Anas bin Malik menceritakan Rasulullah SAW didatangi Jibril ketika baginda sedang bermain dengan kanak-kanak. Jibril membawa baginda lalu membedah dan mengeluarkan jantungnya. Ketika mengeluarkan jantung itu, Jibril mengeluarkan seketul darah sambil berkata: Ini adalah bahagian syaitan padamu. Jibril kemudiannya membasuh jantung itu dalam bekas emas berisi air zam-zam. Setelah itu, jantung baginda dikembalikan ke tempat asalnya. Selepas itu kanak-kanak yan bermain bersama Rasulullah bergegas bertemu ibu susuan baginda sambil berkata:

Muhammad telah dibunuh. Mereka semua bergegas ke tempat baginda dan mendapati baginda (masih hidup) berubah warna (kulitnya, pucat). Anas juga memberitahu dia pernah melihat kesan jahitan itu pada dada baginda (**Sahih Muslim, no 236**).

MENGAPA DI BELAKANG PADA KIRI? BILA MUNCUL?




Hikmah

Nabi saw diasuh Banî Sa'ad

Pertumbuhan seorang anak di tengah pedalaman yang lingkungannya masih alami, udaranya terbuka, dan anginnya segar, serta pencahayaannya sempurna, menyebabkan watak seorang anak lembut, fisik dan indranya cepat berkembang, daya pikirnya jernih, serta perasaannya halus. (Syaiikh Muhammad al-Ghazali)

**TULISAN LENGKAP
PADA BELAKANG
BAGINDA?**

AZIMAT SERBA GUNA?



IMAM IBN HIBBAN MASUKKAN RIWAYAT COP? KRITIK IMAM IBN HAJAR AL-'ASQALANI DALAM FATH AL-BARI

" وَأَمَّا مَا وَرَدَ مِنْ أَنَّهَا كَانَتْ كَأَثَرِ مِحْجَمٍ ، أَوْ كَالشَّامَةِ السَّوْدَاءِ أَوْ الْخَضْرَاءِ ، أَوْ مَكْتُوبٍ عَلَيْهَا " مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ " أَوْ " سِرٌّ فَأَنْتَ الْمَنْصُورُ " أَوْ نَحْوِ ذَلِكَ ، فَلَمْ يَثْبُتْ مِنْهَا شَيْءٌ وَقَدْ أَطْنَبَ الْحَافِظُ قُطُبُ الدِّينِ فِي إِسْتِيعَابِهَا فِي " شَرْحِ السِّيَرَةِ " وَتَبِعَهُ مُغْلَطَايَ فِي " الزَّهْرِ الْبَاسِمِ " وَلَمْ يُبَيِّنْ شَيْئًا مِنْ حَالِهَا ، وَالْحَقُّ مَا ذَكَرْتَهُ ، وَلَا تَغْتَرَّ بِمَا وَقَعَ مِنْهَا فِي صَحِيحِ ابْنِ حِبَّانَ فَإِنَّهُ غَفَلَ حَيْثُ صَحَّحَ ذَلِكَ وَاللَّهُ أَعْلَمُ

Adapun pandangan yang mengatakan tanda penutup kenabian itu seperti kesan bekam, atau titik hitam atau hijau, atau tertulis padanya “Muhammad Utusan Allah” atau “Teruskan berjalan, sesungguhnya engkau akan mendapat bantuan” atau selain daripada itu, maka ia langsung tidak sabit (sahih).... **Oleh itu, jangan sampai kalian terpedaya dengan apa yang disebut dalam kitab Sahih Ibn Hibban. Beliau telah terlalai ketika menyatakan riwayat itu sah..** (Fath al-Bari Syarh Sahih al-Bukhari oleh Imam Ibn Hajar al-'Asqalani, ulasan pada hadith no 3277).

RAHSIA PADA BAHAGIAN KIRI?

قَالَ الْعُلَمَاءُ : السِّرُّ فِي ذَلِكَ أَنَّ
الْقَلْبَ فِي تِلْكَ الْجِهَةِ

**Ia adalah pada bahagian
jantung (Fath al-Bari,
hadith no 3277).**



BENTUK SEBENAR TANDA KENABIAN RASULULLAH SAW

عَنْ جَابِرِ بْنِ سَمُرَةَ قَالَ كَانَ خَاتَمُ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَعْنِي الَّذِي بَيْنَ كَتِفَيْهِ
غُدَّةً حُمْرَاءَ مِثْلَ بَيْضَةِ الْحَمَامَةِ

Jabir bin Samurah berkata, tanda kenabian Rasulullah SAW yang berada pada belakang baginda antara kedua bahu baginda berwarna merah (dan saiznya) seperti telur burung merpati (**Sunan al-Trmidhi, no 3577**).

ABU TALIB DIRINGANKAN AZAB

حَدَّثَنَا الْعَبَّاسُ بْنُ عَبْدِ الْمُطَّلِبِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ لِلنَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَا أَغْنَيْتَ
عَنْ عَمِّكَ فَإِنَّهُ كَانَ يَجُوطُكَ وَيَغْضَبُ لَكَ قَالَ هُوَ فِي ضَحَضَاحٍ مِنْ نَارٍ وَلَوْلَا أَنَا لَكَانَ
فِي الدَّرَكِ الْأَسْفَلِ مِنَ النَّارِ

‘Abbas bin Abdul Muttalib bertanya kepada Rasulullah SAW: “(Adakah benar) kamu tidak dapat membantu bapa saudaramu? Padahal dia selalu melindungimu dan marahkan (para penentang) kamu?” Rasulullah bersabda: “Dia berada dalam azab yang SEPARAS BUKU LALI DALAM NERAKA. Kalaulah bukan keranaku, sudah pasti dia akan berada dalam dasar neraka (**Sahih Bukhari, no 3594, 5740 dan Sahih Muslim, no 308**).



MENDAPAT MUKJIZAT ISRA' DAN MI'RAJ

سُبْحَانَ الَّذِي أَسْرَى بِعَبْدِهِ لَيْلًا مِنَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ إِلَى الْمَسْجِدِ الْأَقْصَى
الَّذِي بَارَكْنَا حَوْلَهُ لِنُرِيَهُ مِنْ آيَاتِنَا إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ

Maha Suci Allah yang telah **MENJALANKAN HAMBANYA (MUHAMMAD) PADA MALAM HARI DARI MASJID AL-HARAM (DI MAKKAH) KE MASJID AL-AQSA (DI PALESTIN)**, yang Kami berkati sekelilingnya, untuk memperlihatkan kepadanya tanda (kekuasaan dan kebesaran) Kami. Sesungguhnya Allah jualah yang Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui (al-Isra' 17:1).



DALAM KITAB BAGINDA ADA NASIKH MANSUKH

مَا نَنْسَخْ مِنْ آيَةٍ أَوْ نُنسِهَا نَأْتِ بِخَيْرٍ مِنْهَا أَوْ مِثْلَهَا أَمْ تَعْلَمُ أَنَّ اللَّهَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

Apa sahaja ayat keterangan yang Kami mansukhkan (batalan), atau yang Kami tinggalkan (atau tangguhkan), Kami datangkan ganti yang lebih baik daripadanya, atau yang sebanding dengannya. Tidakkah engkau mengetahui bahawasanya Allah Maha Kuasa atas setiap sesuatu?

(al-Baqarah 2:106)

BEZA ANTARA PENURUNAN AL-QURAN DAN KITAB LAMPAU


يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا آمِنُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ وَالْكِتَابِ الَّذِي نَزَّلَ عَلَىٰ رَسُولِهِ وَالْكِتَابِ الَّذِي أَنزَلَ مِن قَبْلُ

Wahai orang beriman! Tetapkanlah iman kamu kepada Allah dan Rasul-Nya, dan kepada Kitab Al-Quran yang **TELAH DITURUNKAN (SECARA BERPERINGKAT) KEPADA RASUL-NYA** (Muhammad, s.a.w), dan juga kepada Kitab-kitab Suci yang **TELAH DITURUNKAN (SECARA SEKALIGUS) DAHULU DARIPADA ITU** (al-Nisa' 4:136).

MENDAPAT KHAZANAH DARI BAWAH ARASYH

عَنْ أَبِي ذَرٍّ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
أُعْطِيَتْ خَوَاتِيمَ سُورَةِ الْبَقَرَةِ مِنْ كَنْزٍ تَحْتَ الْعَرْشِ وَلَمْ
يُعْطَهُنَّ نَبِيٌّ قَبْلِي

Abu Dhar berkata, Rasulullah SAW bersabda: "Aku telah dianugerahkan akhir surah al-Baqarah yang terdiri daripada khazanah dari bawah Arasyh yang tidak pernah diberikan kepada para nabi sebelumku (**Musnad Ahmad, 20583**)



عَنْ أَبِي ذَرٍّ قَالَ أَمَرَنِي خَلِيلِي صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِسَبْعِ أَمْرٍ بِحُبِّ الْمَسَاكِينِ وَالِدُّنُوِّ مِنْهُمْ وَأَمَرَنِي أَنْ أَنْظُرَ إِلَى مَنْ هُوَ
دُونِي وَلَا أَنْظُرَ إِلَى مَنْ هُوَ فَوْقِي وَأَمَرَنِي أَنْ أَصِلَ الرَّحِمَ وَإِنْ أَدْبَرْتُ وَأَمَرَنِي أَنْ لَا أَسْأَلَ أَحَدًا شَيْئًا وَأَمَرَنِي أَنْ أَقُولَ بِالْحَقِّ
وَإِنْ كَانَ مُرًّا وَأَمَرَنِي أَنْ لَا أَخَافَ فِي اللَّهِ لَوْمَةً لَائِمٍ وَأَمَرَنِي أَنْ أَكْثَرَ مِنْ قَوْلِ لَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ فَإِنَّهُنَّ مِنْ كَنْزِ
تَحْتَ الْعَرْشِ

Abu Dhar berkata: “Kekasihku Rasulullah SAW menyuruhku mengamalkan 7 perkara iaitu; (1) mencintai serta mendekati orang miskin, (2) melihat orang yang lebih rendah daripadaku (dalam hal duniawi) dan jangan melihat kepada orang yang lebih tinggi daripadaku (dalam perihal harta atau pangkat), (3) menghubungkan silaturahim (hubungan keluarga) walaupun (ahli keluarga itu) berpaling (tidak menghiraukannya atau jauh jaraknya), (4) jangan meminta sesuatu kepada sesiapa pun, (5) berkata benar walaupun ia pahit, (6) jangan takut celaan orang yang mencela dalam melaksanakan arahan Allah, (7) **MEMPERBANYAKKAN UCAPAN HAWQALAH KERANA IA ADALAH ANTARA KHAZANAH ALLAH DARI BAWAH ARASYH (Musnad Ahmad, no 20447).**

DIUTUS KEPADA MANUSIA DAN JIN

يَا مَعْشَرَ الْجِنِّ وَالْإِنْسِ أَلَمْ يَأْتِكُمْ رُسُلٌ مِنْكُمْ يَقُصُّونَ عَلَيْكُمْ آيَاتِي وَيُنذِرُونَكُمْ لِقَاءَ يَوْمِكُمْ هَذَا قَالُوا شَهِدْنَا عَلَى أَنْفُسِنَا وَغَرَّبْنَاهُمْ حَيَاةَ الدُّنْيَا وَشَهِدُوا عَلَى أَنْفُسِهِمْ أَنَّهُمْ كَانُوا كَافِرِينَ

WAHAI SEKALIAN JIN DAN MANUSIA! BUKANKAH TELAH DATANG KEPADA KAMU PARA RASUL DALAM KALANGAN KAMU SENDIRI, yang menyampaikan kepada kamu ayatKu (perintah-Ku), dan yang memberikan amaran kepada kamu tentang pertemuan kamu dengan hari (kiamat) ini? Mereka menjawab: "Kami menjadi saksi mengakui akan (kesalahan) diri kami sendiri (mendustakan para rasul itu)". Dan (sebabnya ialah) mereka telah diperdayakan oleh (kemewahan) hidup di dunia dan (kerana itulah) mereka menjadi saksi (pada hari akhirat) terhadap diri mereka sendiri: (bahawa) sesungguhnya mereka adalah orang yang mengingkari (apa yang telah disampaikan oleh para rasul itu) (al-An'am 6:130).


JIN BERIMAN KEPADA RASULULLAH SAW

وَإِذْ صَرَفْنَا إِلَيْكَ نَفَرًا مِّنَ الْجِنِّ يَسْتَمِعُونَ الْقُرْآنَ فَلَمَّا حَضَرُوهُ قَالُوا أَنصِتُوا فَلَمَّا قُضِيَ وَلَّوْا إِلَىٰ قَوْمِهِمْ مُنْذِرِينَ

Dan (ingatkanlah peristiwa) semasa Kami menghalakan satu rombongan jin datang kepadamu (wahai Muhammad) untuk mendengar Al-Quran; setelah mereka menghadiri bacaannya, berkatalah (setengahnya kepada yang lain): "Diamlah kamu dengan sebulat-bulat ingatan untuk mendengarnya!"

**KEMUDIAN SETELAH SELESAI BACAAN ITU,
KEMBALILAH MEREKA KEPADA KAUMNYA
(MENYIARKAN AJARAN AL-QURAN ITU DENGAN)
MEMBERI PERINGATAN DAN AMARAN**

(al-Ahqaf 46:29).



SEBUAH KISAH....

Pada suatu hari khalifah 'Umar ibn 'Abdul 'Aziz melalui padang pasir yang kontang, lalu beliau menemui seekor ular mati. Beliau kemudiannya membungkus ular tersebut dengan lebihan pakaiannya dan menanamnya. Tiba-tiba beliau terdengar satu suara berkata:

رحمة الله عليك يا سارق ، فأشهد لسمعت رسول الله صلى الله عليه وسلم : « تموت يا سارق في فلاة من الأرض يدفنك خير أمتي » فقال له عمر بن عبد العزيز : « من أنت يرحمك الله ؟ » قال : أنا رجل من الجن ، وهذا سارق ، ولم يكن ممن بايع رسول الله صلى الله عليه وسلم من الجن أحد غيري

“Rahmat Allah ke atasmu Wahai Surraq (nama jin yang mati), Aku bersaksi aku benar-benar mendengar Rasulullah SAW berkata padamu; **ENGKAU AKAN MATI WAHAI SURRAQ DI PADANG PASIR YANG KONTANG, LALU KAMU AKAN DIKAFAN SERTA DIKEMBUMIKAN OLEH LELAKI TERBAIK DARI UMATKU (LELAKI SOLEH)**”. ‘Umar bertanya: “Siapakah anda?”. Suara itu berkata: **“AKU ADALAH LELAKI DARI KALANGAN JIN, YANG MATI ITU ADALAH SURRAQ. TIADA LAGI YANG HIDUP ANTARA JIN YANG PERTAMA SEKALI BERIMAN KEPADA RASULULLAH KECUALI AKU”**

(Imam al-Bayhaqi, Dala’il al-Nubuwwah, no 2849 & Badr al-Din al-Shibli, Akam al-Murjan Fi Ahkam al-Jan, hal 70).

PUJIAN NABI KEPADA BANGSA JIN

خَرَجَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَى أَصْحَابِهِ فَقَرَأَ عَلَيْهِمْ سُورَةَ الرَّحْمَنِ مِنْ أَوَّلِهَا إِلَى آخِرِهَا فَسَكَتُوا فَقَالَ لَقَدْ قَرَأْتُهَا عَلَى الْجِنِّ لَيْلَةَ الْجِنِّ فَكَانُوا أَحْسَنَ مَرْدُودًا مِنْكُمْ كُنْتُ كُلَّمَا أَتَيْتُ عَلَى قَوْلِهِ { فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ } قَالُوا لَا بِشَيْءٍ مِنْ نِعْمِكَ رَبَّنَا نَكْذِبُ
فَلَكَ الْحَمْدُ

Rasulullah keluar membaca surah al-Rahman kepada para sahabatnya dari awal sehingga akhir surah. Mereka hanya diam. Baginda lalu bersabda: Aku pernah membacanya (surah al-Rahman) kepada para jin pada malam jin (malam baginda bertemu dan berdakwah kepada para jin). **Reaksi mereka jauh lebih baik berbanding kamu semua. Setiap kali aku membaca (فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ -Maka yang mana satukah antara nikmat Tuhan kamu, yang kamu hendak dustakan - wahai umat manusia dan jin?), mereka akan berkata: Tiada satupun antara ni'matMu wahai Tuhan kami yang kami dustai, maka bagi-Mu sahajalah segala pujian (Sunan al-Tirmidhi, no 3213).**

TAHU PENGAMPUNAN DOSA BAGINDA SENDIRI

إِنَّا فَتَحْنَا لَكَ فَتْحًا مُّبِينًا (1) لِيَغْفِرَ لَكَ اللَّهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِكَ وَمَا تَأَخَّرَ وَيُتِمَّ نِعْمَتَهُ عَلَيْكَ وَيَهْدِيَكَ
صِرَاطًا مُسْتَقِيمًا (2)

Sesungguhnya Kami telah membuka bagi perjuanganmu (wahai Muhammad) satu jalan kemenangan yang jelas nyata, Kemenangan yang dengan sebabnya **ALLAH MENGAMPUNKAN SALAH DAN SILAPMU YANG TELAH LALU DAN YANG TERKEMUDIAN**, dan menyempurnakan nikmat-Nya kepadamu, serta menambahkanmu hidayah ke jalan yang lurus (dalam mengembangkan Islam dan melaksanakan hukum-hukumnya) (al-Fath 48:1-2).

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا أَنَّ نَبِيَّ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَقُومُ مِنَ اللَّيْلِ حَتَّى تَتَفَطَّرَ قَدَمَاهُ
فَقَالَتْ عَائِشَةُ لِمَ تَصْنَعُ هَذَا يَا رَسُولَ اللَّهِ وَقَدْ غَفَرَ اللَّهُ لَكَ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِكَ وَمَا تَأَخَّرَ قَالَ
أَفَلَا أُحِبُّ أَنْ أَكُونَ عَبْدًا شَكُورًا

Aishah RA berkata, Nabi SAW selalu bangun malam untuk
solat sehingga pecah 2 kakinya. Lalu Aishah bertanya:
“Mengapa engkau lakukan ini semua wahai Rasulullah,
**SEDANGKAN ALLAH SUDAH AMPUNKAN SEMUA DOSAMU
YANG LEPAS DAN AKAN DATANG?**” Baginda jawab: “Salahkah
jika aku mahu jadi hamba yang sentiasa bersyukur?

(Sahih al-Bukhari, no 4460).

MUSA TAK TAHU DOSANYA DIAMPUN

وَدَخَلَ الْمَدِينَةَ عَلَى حِينٍ غَفْلَةٍ مِنْ أَهْلِهَا فَوَجَدَ فِيهَا رَجُلَيْنِ يَقْتَتِلَانِ هَذَا مِنْ شِيعَتِهِ وَهَذَا مِنْ عَدُوِّهِ فَاسْتَعَاثَهُ الَّذِي مِنْ شِيعَتِهِ عَلَى الَّذِي مِنْ عَدُوِّهِ فَوَكَزَهُ مُوسَى فَقَضَى عَلَيْهِ قَالَ هَذَا مِنْ عَمَلِ الشَّيْطَانِ إِنَّهُ عَدُوٌّ مُضِلٌّ مُبِينٌ (15) قَالَ رَبِّ إِنِّي ظَلَمْتُ نَفْسِي فَاغْفِرْ لِي فَغَفَرَ لَهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ (16)

Dan dia masuk ke bandar (Mesir) dalam masa penduduknya tidak menyedarinya, lalu didapatinya di situ 2 orang lelaki sedang berkelahi, - seorang daripada golongannya sendiri dan yang seorang lagi daripada pihak musuhnya. Maka orang yang daripada golongannya meminta tolong kepadanya melawan orang yang daripada pihak musuhnya; Musa pun menumbuknya lalu menyebabkan orang itu mati. (pada saat itu) Musa berkata: "Ini adalah dari kerja Syaitan, sesungguhnya Syaitan itu musuh yang menyesatkan, yang nyata (angkaranya) ". **DIA MERAYU (DENGAN SESALNYA): "WAHAI TUHANKU, SESUNGGUHNYA AKU TELAH MENGANIAYA DIRI SENDIRI; OLEH ITU AMPUNKANLAH - APALAH JUA KIRANYA - AKAN DOSAKU"**. (Maka Allah Taala menerima taubatnya) lalu mengampunkan dosanya; sesungguhnya Allah jualah Yang Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani (al-Qasas 28:15-16).

DIBANTU MALAIKAT DALAM PERANG

إِذْ يُوحِي رَبُّكَ إِلَى الْمَلَائِكَةِ أَنِّي مَعَكُمْ فَثَبِّتُوا الَّذِينَ آمَنُوا سَأُلْقِي فِي قُلُوبِ الَّذِينَ كَفَرُوا الرُّعْبَ فَاضْرِبُوا
فَوْقَ الْأَعْنَاقِ وَاضْرِبُوا مِنْهُمْ كُلَّ بَنَانٍ (12)

(Ingatlah) ketika Tuhanmu wahyukan kepada malaikat:
"Sesungguhnya Aku menyertai kamu (memberi pertolongan),
maka tetapkanlah (hati) orang yang beriman. Aku akan
mengisi hati orang yang kafir dengan perasaan gerun; oleh itu,
pancunglah leher mereka (musuh) dan potonglah setiap
anggota mereka" (al-Anfal 8:12).

MALAIKAT LANGIT KETIGA

ابْنُ عَبَّاسٍ قَالَ بَيْنَمَا رَجُلٌ مِنَ الْمُسْلِمِينَ يَوْمَئِذٍ يَشْتَدُّ فِي أَثَرِ رَجُلٍ مِنَ الْمُشْرِكِينَ أَمَامَهُ إِذْ سَمِعَ ضَرْبَةً بِالسَّوْطِ فَوْقَهُ وَصَوْتَ الْفَارِسِ يَقُولُ أَقْدِمْ حَيْزُومُ فَانظُرْ إِلَى الْمُشْرِكِ أَمَامَهُ فَخَرَّ مُسْتَلْقِيًا فَنَظَرَ إِلَيْهِ فَإِذَا هُوَ قَدْ حُطِمَ أَنْفُهُ وَشُقَّ وَجْهُهُ كَضَرْبَةِ السَّوْطِ فَاحْضَرَ ذَلِكَ أَجْمَعُ فَجَاءَ الْأَنْصَارِيُّ فَحَدَّثَ بِذَلِكَ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ صَدَقْتَ ذَلِكَ مِنْ مَدَدِ السَّمَاءِ الثَّلَاثَةِ

Ibn 'Abbas berkata: Pada hari itu (Perang Badar), ketika seorang tentera Muslim mengejar jejak lelaki Musyrikin di hadapannya tiba-tiba dia terdengar bunyi sebatan cemeti dari atasnya dan suara pejuang berkata “Maju ke hadapan wahai Hayzum (nama kuda Malaikat).” Setelah itu dia melihat lelaki Musyrik itu jatuh terlentang, ada kesan pukulan pada hidungnya, terbelah wajahnya dan kuat kesan hijau (atau hitam) padanya. Sahabat nabi Ansar itu menceritakan perkara itu kepada Rasulullah, lalu baginda bersabda: “Benar! Itu adalah bantuan dari langit ketiga (Sahih Muslim, no 3309).

جَاءَ جِبْرِيلُ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ مَا تَعُدُّونَ أَهْلَ بَدْرٍ فِيكُمْ قَالَ مِنْ أَفْضَلِ
الْمُسْلِمِينَ أَوْ كَلِمَةً نَحْوَهَا قَالَ وَكَذَلِكَ مَنْ شَهِدَ بَدْرًا مِنَ الْمَلَائِكَةِ

Jibril datang bertemu Rasulullah SAW dan bertanya:
“Apa pandanganmu tentang para pejuang dalam
perang Badar?” Baginda menjawab: “Mereka adalah
antara Muslim terbaik.” Jibril berkata: “Begitulah juga
(mulianya) para malaikat yang turut sama terlibat
dalam perang Badar (**Sahih al-Bukhari, no 3692**).

DIJAGA RAPI 2 MALAIKAT DALAM PERANG UHUD

عَنْ سَعْدِ بْنِ أَبِي وَقَّاصٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ رَأَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَوْمَ أُحُدٍ
وَمَعَهُ رَجُلَانِ يُقَاتِلَانِ عَنْهُ عَلَيْهِمَا ثِيَابٌ بَيْضٌ كَأَشَدِّ الْقِتَالِ مَا رَأَيْتُهُمَا قَبْلُ وَلَا بَعْدُ

Sa'ad bin Abi Waqqas RA berkata: "Dalam perang Uhud Aku lihat bersama Rasulullah SAW ada 2 lelaki bertempur bermati-matian mempertahankan baginda. Mereka memakai pakaian serba putih. Aku tidak pernah melihat mereka sebelum dan selepas perang itu (**Sahih al-Bukhari, no 3748**).

PERANG HUNAYN

لَقَدْ نَصَرَكُمُ اللَّهُ فِي مَوَاطِنَ كَثِيرَةٍ وَيَوْمَ حُنَيْنٍ إِذْ أَعْجَبَتْكُمْ كَثْرَتُكُمْ فَلَمْ تُغْنِ عَنْكُمْ شَيْئًا وَضَاقَتْ عَلَيْكُمُ الْأَرْضُ بِمَا رَحُبَتْ ثُمَّ وَلَّيْتُم مُّدْبِرِينَ (25) ثُمَّ أَنْزَلَ اللَّهُ سَكِينَتَهُ عَلَى رَسُولِهِ وَعَلَى الْمُؤْمِنِينَ وَأَنْزَلَ جُنُودًا لَمْ تَرَوْهَا وَعَذَّبَ الَّذِينَ كَفَرُوا وَذَلِكَ جَزَاءُ الْكَافِرِينَ (26)

Sesungguhnya Allah telah menolong kamu mencapai kemenangan dalam banyak medan perang dan di medan perang Hunain, iaitu semasa kamu merasa megah dengan sebab bilangan kamu yang ramai; maka bilangan yang ramai itu tidak mendatangkan faedah kepada kamu sedikitpun; dan (semasa kamu merasa) bumi yang luas itu menjadi sempit kepada kamu; kemudian kamu berpaling undur melarikan diri. Kemudian Allah menurunkan semangat tenang tenteram kepada Rasul-Nya dan kepada orang yang beriman, **DAN ALLAH MENURUNKAN TENTERA YANG KAMU TIDAK MELIHATNYA**, serta Dia menyiksa orang kafir itu (dengan kekalahan yang membawa kehancuran); dan yang demikian itu ialah balasan bagi orang yang kafir (Al-Tawbah 9:25-26) .

PERANG AHZAB ATAU KHANDAQ

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اذْكُرُوا نِعْمَةَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ جَاءَتْكُمْ جُنُودٌ فَأَرْسَلْنَا عَلَيْهِمْ رِيحًا وَجُنُودًا لَمْ تَرَوْهَا وَكَانَ اللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرًا

Wahai orang yang beriman, kenangkanlah nikmat Allah yang dilimpahkanNya kepada kamu. Semasa kamu didatangi tentera (Al-Ahzaab), lalu Kami hantarkan kepada mereka angin ribut (yang kencang) **SERTA ANGKATAN TENTERA (DARI MALAIKAT) YANG KAMU TIDAK DAPAT MELIHATNYA.** Dan (ingatlah) Allah sentiasa melihat apa yang kamu lakukan (al-Ahzaab 33:9).

**JUMPA LAGI
DALAM KULIAH
AKAN DATANG
UNTUK
MENAMBAH
CINTA KITA PADA
RASULULLAH
SAW!**



AKU DIJANGKITI KEHIDUPAN

Tidak semua orang benar-benar 'hidup' - menjalaninya seperti majoriti masyarakat. Belajar, bekerja, berkeluarga, bersosial, dan tiba di akhir usia dengan happily ever after.

Kehidupan kadangkala satu tumor – tumbuh dan mencengkam pada batang tubuh, menyedut segala yang manis dan indah- lalu menukarnya menjadi racun dan mimpi ngeri. Kehidupan kadangkala satu sumpahan, membuatkan ia menjadi begitu hodoh dan menyakitkan.

'Aku Dijangkiti Kehidupan' adalah himpunan catatan oleh mereka yang menjalani hidup dengan rasa dan derita - yang berbeza dari manusia lainnya. Fizikalnya kelihatan sempurna – tetapi di dalam penuh liang luka. Ia catatan para penderita masalah kesihatan mental dan psikiatri serta perkongsian para perawatnya.

Ya. Buku tentang pesakit dan doktor psikiatri – tentang hidup, dan mungkin tentang kematian.

Juga tentang pertempuran sengit yang kelihatan senyap dari luar – tetapi bisung, kalut, dan huru-hara di dalamnya.



AKU DIJANGKITI KEHIDUPAN

KATA-PILAR

Khairul Khairudin Faris Nazrin Dura Ain Hidayu
Dr Zul Azlin Dr Mohd Hazreen Dr Nor Hidayah

AKU
DIJANGKITI
KEHIDUPAN
HIMPUNAN KISAH PSIKIATRI

ANUGERAH
BUKU NEGARA
Penerbit Buku Pendidikan Terbaik
2018

BUKU
BULAN INI

AKU
DIJANGKITI
KEHIDUPAN

Buku ini wajib dibaca semua lapisan masyarakat terutama sekali ibu bapa, ahli keluarga dan guru. Sakit mental adalah sakit yang sangat sukar dihadapi kerana ia tak nampak di mata. Ramai pesakit mental gagal sembuh dengan sepatutnya apabila menjadi mangsa persepsi masyarakat. Mengapa ibu bapa, keluarga dan guru perlu diberi pengetahuan mengenai sakit mental? Tidak lain kerana mereka adalah watak utama dalam tumbesaran seorang manusia.

Kes 01 Faris Nazrin Hidup dalam mimpi m/s 01	Dr Zul Azlin Mahadewi Penjaga m/s 47
Kes 02 Hidayu Tangis dan Tawa di sebalik Topeng m/s 58	Pengulangan dan Pengulangan m/s 138 Dr Mohd Hazreen Kantoi m/s 63
Kes 03 Khairul- Khairudin Penjara dalam Kepala m/s 111	Ganja dan Kemurungan m/s 103 Manic Makcik Salmah m/s 192 Dr Hidayah Jaris Terpendam m/s 107
Kes 04 Dura Ain Apabila Hidup Meminta Lebih daripada Apa yang Mampu m/s 145	Nyanyuk dan Lupa m/s 188

Manusia pula Allah bina dalam komponen fizikal, emosi dan mental. Semuanya perlu sihat dan semuanya boleh cedera parah. Cedera fizikal boleh dilihat, senang dirawat dan senang mengundang simpati. Perkara ini tidak berlaku pada CEDERA EMOSI DAN MENTAL. Pengabaian, buli, kata cerca dan sebagainya boleh menjadi luka dalam yang tak mampu sembuh walaupun selepas bertahun ia berlalu.

Buku ini menyenaraikan 4 kes psikiatri yang ditulis sendiri oleh pesakit. Setelah membaca kita akan tahu “APA SEBENARNYA PERANG YANG BERLAKU DALAM MINDA PESAKIT MENTAL.” Yang pasti punca perang bukan muncul sehari dua tetapi benihnya mula berputik sejak dari kecil. Ada yang luka kena ejek dan buli sejak kecil. Ada yang disenaraikan sebagai PELAJAR GAGAL pada papan kenyataan sekolah sehingga menghantui pelajar sehingga tua.

Kisah menarik mengenai kemunculan watak khayalan berdamping dengan pesakit Bipolar Disorder. Ada watak BENCI yang kerjanya membisikkan segala yang jahat dan hodoh. Juga munculnya watak ALANA kembar khayalan pesakit yang berusaha memujuknya.

Kesimpulannya, buku ini melambakkan jawapan kepada kita semua tentang realiti dan kecamuk jiwa pesakit mental. Bacalah buku ini! Kenalilah sakit ini kerana anda **TAK BOLEH JAMIN SAKIT INI TIDAK AKAN SINGGAH ATAU MENYAPA ANDA ATAU ORANG YANG ANDA SAYANG SUATU HARI NANTI.** Mudah-mudahan ia menambah ilmu untuk kita lebih memahami penyakit ini dan menaruh belas kasihan kepada manusia yang diuji Allah dengan sakit ini.

BERMINAT? TEMPAAH DI SINI

AKU DIJANGKITI KEHIDUPAN

0108838974

MUJTABA